KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## KHAMIS, 18 JANUARI 2024

## LAPORAN HARIAN

18/1/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **JKM SALUR BANTUAN SEGERA KEPADA DUA BERANAK HIDUP DALAM SAMPAH, NAJIS DI IPOH** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jkm-salur-bantuan-segera-kepada-dua-beranak-hidup-dalam-sampah-najis-di-ipoh-454488 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/dua-beranak-hidup-dalam-sampah-najis-jkm-salur-bantuan-segera/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **JELITA LAHIR 60 PERATUS TENAGA KERJA WANITA BERKEMAHIRAN** | |
| | https://www.melakahariini.my/jelita-lahir-60-peratus-tenaga-kerja-wanita-berkemahiran/ | MELAKAHARIINI.MY |
| | https://umno-online.my/2024/01/17/perasmian-program-tvet-place-and-train-utemkpt/ | UMNO-ONLINE.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **SERAH KEPADA WISMA PUTRA BANTU SELESAIKAN ISU WARGA SARAWAK TERKANDAS DI FILIPINA SEJAK 2019** | |
| | https://www.tvsarawak.my/2024/01/17/serah-kepada-wisma-putra-bantu-selesaikan-isu-warga-sarawak-terkandas-di-filipina-sejak-2019/ | TVSARAWAK.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **MASYARAKAT PUNCA JENAYAH SEKSUAL KANAK-KANAK MENINGKAT** | |
| | https://www.utusan.com.my/terkini/2024/01/masyarakat-punca-jenayah-seksual-kanak-kanak-meningkat/ | UTUSAN.COM.MY |

18/1/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **SARAWAK GOVT PROVIDES RM59,050 TO FIRE VICTIMS IN KAMPUNG BINTAWA HILIR** | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/01/1002347/sarawak-govt-provides-rm59050-fire-victims-kampung-bintawa-hilir | NST.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **PENGASUH WARGA ASING LARI SELEPAS DERA KANAK-KANAK USIA 3 TAHUN HINGGA PATAH KAKI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1051298/pengasuh-warga-asing-lari-selepas-dera-kanak-kanak-usia-3-tahun-hingga | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/polis-kesan-pengasuh-dera-kanak-kanak-sampai-patah-kaki/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1201291/polis-buru-amah-dera-budak-3-tahun-sehingga-patah-kaki | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/01/17/polis-kesan-pengasuh-patahkan-kaki-budak-3-tahun/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **HARAP KEADILAN BERPIHAK KEPADA JAHIDAH – BAPA** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/01/17/harap-keadilan-berpihak-kepada-jahidah-bapa/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **'BOSS' TIDAK ADIL BUAT PENILAIAN, MANGSA GANGGUAN SEKSUAL BOLEH LAPOR POLIS** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/644930/berita/semasa/boss-tidak-adil-buat-penilaian-mangsa-gangguan-seksual-boleh-lapor-polis | SINARHARIAN.COM.MY |

18/1/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **SAYA HIDUP DALAM KETAKUTAN – ACACIA** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/01/17/saya-hidup-dalam-ketakutan-acacia/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **REMAJA HILANG DAKWA KENA CABUL, LIWAT DALAM HOTEL** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/01/17/remaja-hilang-dakwa-kena-cabul-liwat-dalam-hotel/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/lelaki-direman-7-hari-kes-cabul-liwat-remaja-dikurung-di-hotel/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **JURUTEKNIK DIDAKWA 12 PERTUDUHAN ROGOL, AMANG SEKSUAL ANAK TIRI** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2024/01/juruteknik-didakwa-12-pertuduhan-rogol-amang-seksual-anak-tiri/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2024/01/17/juruteknik-didakwa-12-pertuduhan-rogol-amang-seksual-dua-anak-tiri/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1051397/bapa-tiri-mengaku-tidak-bersalah-lakukan-amang-seksual | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rogol-anak-tiri-dua-individu-dihadap-ke-mahkamah-454439? | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/644883/berita/semasa/juruteknik-dituduh-rogol-anak-tiri | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.malaysiakini.com/news/693490 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/01/17/lagi-kes-lelaki-didakwa-rogol-anak-tiri-di-melaka/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1201367/bapa-tiri-didakwa-rogol | BHARIAN.COM.MY |

18/1/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **POLICE: COLLEGE STUDENT CRIES RAPE TO COVER PREGNANCY** | |
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/01/1002356/police-college-student-cries-rape-cover-pregnancy | NST.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2024/01/17/pelajar-mengandung-anak-luar-nikah-buat-laporan-palsu-kena-rogol/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **ROGOL, SAMUN ATAS JEJANTAS, WARGA PAKISTAN DITAHAN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1051411/rogol-samun-atas-jejantas-warga-pakistan-ditahan | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/jenayah/lelaki-pakistan-samun-dan-rogol-di-jejantas-ktm-serdang-ditahan/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/01/17/pakistani-man-nabbed-for-raping-robbing-woman-in-serdang | THESTAR.COM.MY |
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/01/1002465/rape-pedestrian-bridge-pakistani-arrested | NST.COM.MY |
| | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/dua-warga-pakistan-ditahan-terlibat-kes-samun-rogol | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.malaysiakini.com/news/693458 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-dua-warga-pakistan-terlibat-kes-samun-rogol-454438? | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/644841/berita/semasa/lelaki-warga-pakistan-disyaki-terlibat-kes-samun-rogol-ditahan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2263268 | BERNAMA.COM |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/01/17/2-lelaki-pakistan-ditahan-disyaki-rogol-samun-wanita/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://selangorkini.my/2024/01/polis-tahan-dua-lelaki-pakistan-disyaki-samun-rogol-di-jejantas-stesen-kereta-api/ | SELANGORKINI.MY |

18/1/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **LANS KOPERAL POLIS DIDAKWA ROGOL REMAJA UZBEKISTAN, UGUT TEMAN LELAKI MANGSA** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1201448/lans-koperal-polis-didakwa-rogol-remaja-uzbekistan-ugut-teman-lelaki | BHARIAN.COM.MY |
| | https://selangorkini.my/2024/01/dua-polis-dituduh-laku-jenayah-seksual-peras-ugut-pasangan-kekasih/ | SELANGORKINI.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=XOohVRMvA2c | YOUTUBE |
| | https://www.buletintv3.my/tag/dua-anggota-polis-didakwa-merogol-dan-peras-ugut-remaja-uzbekistan-dan-kekasihnya/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1051447/lans-koperal-didakwa-rogol-remaja-uzbekistan-dalam-kereta-peronda-polis | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/644871/berita/semasa/lans-koperal-didakwa-rogol-pelajar-warga-uzbekistan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/polis-didakwa-rogol-remaja-uzbekistan-peras-ugut-teman-lelaki/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lans-koperal-didakwa-rogol-pelajar-warga-uzbekistan-454418? | ASTROAWANI.COM |
| | https://malaysiagazette.com/2024/01/17/anggota-polis-mengaku-tak-bersalah-rogol-samun-pelajar-kolej/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/644893/video/berita-semasa-video/lans-koperal-didakwa-rogol-pelajar-17-tahun-dalam-kereta-peronda-polis | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/01/17/two-policemen-to-be-charged-in-ampang-court-today-for-rape-extortion/112796 | MALAYMAIL.COM |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/01/17/cop-charged-with-raping-student/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/01/17/two-cops-charged-in-rape-and-extortion-case | THESTAR.COM.MY |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/01/17/policemen-to-be-charged-today-with-rape-extortion | THESTAR.COM.MY |
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/01/1002463/two-cops-charged-rape-extortion-college-students-released-after | NST.COM.MY |
| | https://siakapkeli.my/2024/01/17/dua-anggota-polis-akan-didakwa-hari-ini-atas-pertuduhan-peras-ugut-rogol/ | SIAKAPKELI.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=yeyb95wx6fw | YOUTUBE |

18/1/2024

| | | |
|---|---|---|
| | https://www.youtube.com/watch?v=An12KFEmYa4 | YOUTUBE |
| | https://malaysiagazette.com/2024/01/17/anggota-polis-mengaku-tak-bersalah-rogol-samun-pelajar-kolej/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://malaysiatribune.news/2024/01/17/2-anggota-polis-didakwa-rogol-peras-ugut-remaja-uzbekistan-dan-kekasihnya/ | MALAYSIATRIBUNE.NEWS |
| | https://suarasarawak.my/dua-anggota-polis-disyaki-terlibat-kes-rogol-didakwa-hari-ini/ | SUARASARAWAK.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=HQO6ZESJiiQ | YOUTUBE |
| | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/dua-anggota-polis-didakwa-hari-ini-disyaki-peras-ugut-rogol | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2024/01/17/mgnews-rogol-samun-seks-oral-amang-seksual-penuntut-kolej-lans-koperal-mengaku-tak-bersalah/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **DIDAKWA ANIAYA ANAK TIRI SEJAK 2019** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/01/17/didakwa-aniaya-anak-tiri-sejak-2019/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1051392/lelaki-31-tahun-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-anak-tiri | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **PENGAWAL KESELAMATAN DIDAKWA ROGOL DUA ANAK TIRI** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/644838/berita/semasa/pengawal-keselamatan-didakwa-rogol-dua-anak-tiri | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/01/17/stepdad-claims-trial-to-rape-and-outrage-of-modesty-of-two-teens | THESTAR.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/01/17/lelaki-didakwa-rogol-dua-anak-tiri-ketika-isteri-keluar-berniaga/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2024/01/didakwa-amang-seksual-rogol-dua-anak-tiri/ | UTUSAN.COM.MY |

18/1/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **ANGGOTA POLIS DIDAKWA ROGOL REMAJA DALAM KERETA PERONDA** | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/693457 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/01/17/polis-didakwa-rogol-pelajar/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.malaysiakini.com/news/693452 | MALAYSIAKINI.COM |

# JKM salur bantuan segera kepada dua beranak hidup dalam sampah, najis di Ipoh

Bernama
Januari 17, 2024 23:10 MYT



*Skim Bantuan Am Negeri berjumlah RM400 akan diberikan kepada Erwan Dahari, serta skim Bantuan Warga Emas RM500 kepada ibunya Miram Kadir. - Foto Astro AWANI*

**IPOH:** Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Kinta akan meluluskan dua bentuk bantuan berjumlah RM900 sebulan kepada dua beranak yang hidup dalam serba kedaifan di sebuah rumah flat dipenuhi sampah sarap dan takungan najis di Taman Silibin di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Perak, Datuk Salbiah Mohamed berkata bantuan skim Bantuan Am Negeri berjumlah RM400 akan diberikan kepada Erwan Dahari, 46, serta skim Bantuan Warga Emas RM500 kepada ibunya Miram Kadir, 77.

Beliau berkata pihak PKMD Kinta juga telah menyerahkan tabung bantuan segera (TBS) kepada Erwan yang dikategorikan sebagai orang kurang upaya (OKU) mental.

"Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan, Pertubuhan Puteri Kebajikan akan mengenal pasti rumah sewa yang lebih sesuai untuk dua beranak tersebut.

"Berdasarkan bantuan JKM tersebut berjumlah RM900 sebulan termasuk bantuan Baitulmal sebanyak RM500 yang diterima warga emas itu membolehkan dua beranak itu tinggal di tempat yang lebih selesa," katanya dalam kenyataan hari ini.

Salbiah berkata Erwan mengalami masalah kemurungan di tahap minimum dan tidak membenarkan ibunya dimasukkan ke rumah kebajikan serta sanggup menjaga ibunya.

Media sebelum ini melaporkan dua beranak itu tinggal di dalam rumah yang dipenuhi sampah sarap termasuk takungan najis selain rumah itu dilimpahi dengan air di sepanjang ruang masuk rumah yang didiami sejak tujuh tahun lepas.

Menurut laporan, Erwan yang merupakan anak kedua daripada tiga beradik itu berkata beliau sanggup berhenti kerja di sebuah kilang untuk menjaga ibunya yang sakit tua dan sudah nyanyuk.

Erwan berkata mereka hanya bergantung kepada bantuan Baitulmal RM300 sahaja dan ia tidak mencukupi kerana perlu membayar sewa rumah berjumlah RM250 selain perlu membayar bil utiliti seperti air dan elektrik serta membeli keperluan makanan.



Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid Hamidi ketika menandatangani plak perasmian JELITA UTeM@KPT sempena Majlis Perasmian TVET Place & Train UTeM@KPT di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Melaka. Turut Hadir Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh. Foto Iqmal Haqim Rosman

# JELITA lahir 60 peratus tenaga kerja wanita berkemahiran

LIANA SAHABUDIN
RABU, 17 JANUARI 2024 @ 18:15

DURIAN TUNGGAL 17 Januari – Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menyahut seruan Ekonomi Madani bagi melahirkan 60 peratus tenaga kerja wanita dalam industri Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Ts. Dr. Massila Kamalrudin berkata, justeru itu pihaknya mewujudkan platform JELITA@UTeM@KPT yang memainkan peranan khusus untuk golongan wanita menceburi bidang itu.

"Konsep JELITA ini unik kerana ia memberi penekanan kepada 'high TVET' menerusi kursus atau persijilan profesional Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) atau melibatkan badan-badan profesional.

"JELITA telah mengorak langkah dengan sebanyak 2,700 pendaftaran direkodkan serta beberapa kursus 'high TVET' dilaksanakan melibatkan 'machine learning' (pembelajaran mesin) dan kecerdasan buatan (AI)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian TVET Place & Train UTeM@KPT dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr Ahmad Zahid Hamidi di Dewan Canselor UTeM di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir; Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad; Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin serta Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama negeri, Datuk Rahmad Mariman.

Turut hadir Exco Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya negeri, Datuk Wira Abdul Razak Abdul Rahman; Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Dr. Muhamad Akmal Saleh; Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri, Datuk Fairul Nizam Roslan dan barisan Exco serta Timbalan Exco Kerajaan Negeri.

Dalam pada itu, Massila berkata, UTeM juga menyasarkan pembangunan kemahiran dalam bidang 'technical entrepreneurship' untuk menjadikan pelajar sebagai pencipta pekerjaan (job creator).

"Inisiatif ini secara tidak langsung membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat," katanya.




Sheryl Balisia Cabrera mendakwa anaknya, Dewi Farisha berusia 25 tahun dan cucunya terkandas di Manila, Filipina sejak 2019. Foto Muqri Aziz (TVS).

# Serah kepada Wisma Putra bantu selesaikan isu warga Sarawak terkandas di Filipina sejak 2019

By **Muqri Aziz** #bm, Berita Sarawak January 17, 2024

KUCHING, 17 Jan: Kerajaan Sarawak akan menyerahkan kepada Wisma Putra untuk berurusan dengan Kerajaan Filipina berhubung dakwaan seorang wanita dari Matang, Sarawak yang anak perempuan dan cucunya terkandas di negara itu.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak, Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, beliau yakin Wisma Putra mampu menyelesaikan isu berkenaan.

"Oleh kerana masalah ini melibatkan isu tinggal lebih masa, biasanya akan dikendalikan oleh Wisma Putra.

"Kita perlu tahu juga perkembangan terkini dan maklumat itu akan disalurkan oleh Wisma Putra kerana mereka akan berhubung dengan Kerajaan Filipina," katanya menerusi kenyataan media hari ini.

Semalam, Sheryl Balisia Cabrera mendakwa anaknya, Dewi Farisha yang berusia 25 tahun dan cucunya terkandas di Manila, Filipina sejak 2019.

Apa yang merisaukan Sheryl Balisia, pasport anaknya juga akan tamat tempoh pada bulan depan selain terpaksa mengirim wang setiap dua hari untuk menanggung kos hidup anak dan cucunya yang kini tinggal di kawasan setinggan di negara itu.

Sementara itu, Fatimah berkata, beliau belum menerima maklumat terperinci mengenai kes ini termasuk dakwaan denda yang perlu dibayar oleh Dewi Farisha kepada Imigresen Filipina kerana tinggal lebih masa di sana.

"(Selain itu kita perlu tahu mengenai) kos membawa balik ke Malaysia serta apakah implikasinya undang-undang," katanya.

Tambah Fatimah, isu berkenaan juga telah dibawa kepada pengetahuan Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, sebuah pasukan telah dikerahkan bagi menjalankan siasatan berhubung isu terbabit.

Malah kata Nancy beliau telah berbincang mengenai perkara itu dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusuf.

"Beliau telah mengarahkan pasukannya untuk menjalankan siasatan," katanya ketika dihubungi TVS hari ini.-TVS

## Masyarakat punca jenayah seksual kanak-kanak meningkat



Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof 17 Januari 2024, 7:30 am

Apalah daya seorang anak kecil, tubuh yang seharusnya dilindungi dan disayangi itu adakalanya diambil kesempatan bagi memuaskan nafsu serakah.

Bukan sekadar omong kosong, buktinya, sepanjang tahun ini media tidak berhenti melaporkan jenayah seksual kanak-kanak yang semakin meningkat.

Antaranya, kes seorang guru menggigit dan menarik bibir seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun dengan alasan sekadar bergurau.

Sedangkan, ibu kanak-kanak tersebut memaklumkan anaknya mengalami trauma yang teruk sehingga muram setiap kali perlu ke sekolah.

Bukankah perkara sedemikian sudah mencatatkan satu detik hitam dalam kehidupan kanak-kanak yang baru ingin mengenal dunia?

Sedangkan, negara sudah mempunyai beberapa akses kepada pencegahan jenayah ini seperti talian NUR dan tidak kurang juga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang lantang menyuarakan hak anak-anak kecil ini. Tetapi, kenapa ia terus berlaku?

Bercakap kepada Utusan Malaysia, aktivis kanak-kanak, Datuk Dr. Hartini Zainudin berkata, isu berkenaan makin berleluasa kerana keluarga enggan atau malu untuk melaporkan kejadian yang berlaku.

Lebih-lebih lagi, pendera kebiasannya adalah individu yang dikenali oleh kanak-kanak itu.

“Disebabkan norma budaya dan masyarakat yang sering menyalahkan serta menjatuhkan hukum kepada mangsa, sekali gus menjadi *enabler* kepada pelaku.

“Stigma itu menyumbang kepada kurang melaporkan penderaan seksual kanak-kanak. Masih tentang rasa malu dan stigma. Selalu salah mangsa.

“Kekurangan program pendidikan dan kesedaran yang komprehensif untuk kanak-kanak dan penjaga serta perlindungan yang tidak mencukupi di sekolah atau pusat kanak-kanak,” katanya.



Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan kes jenayah termasuk seksual yang melibatkan kanak-kanak dan wanita di negara ini adalah sebanyak 12,890 kes pada 2022.

Jumlah itu meningkat berbanding 2020 yang mencatatkan sebanyak 11,092 kes.

Ogos lalu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mendedahkan kes gangguan seksual kanak-kanak menunjukkan trend membimbangkan dengan 35 kes yang dilaporkan pada 2022.

Malah, kementerian itu turut tidak menolak kemungkinan kes yang berlaku adalah lebih daripada itu tetapi tidak dilaporkan.

Antaranya, disebabkan oleh ahli keluarga yang kurang cakna mengenai keperluan melindungi anak kecil daripada gangguan seksual.

**Semak semula dasar**

Hartini yang juga pengasas bersama Yayasan Chow Kit (YCK) berkata, akses yang terhad dan tidak mencukupi kepada perkhidmatan sokongan untuk mangsa penderaan seksual kanak-kanak menyebabkan masalah itu sukar ditangani.

Pendekatan pelbagai aspek yang melibatkan pendidikan, advokasi, pembaharuan undang-undang dan perkhidmatan sokongan diperlukan untuk menangani isu tersebut dengan berkesan.

“Sudah tiba masanya kerajaan menyemak semula Dasar Kanak-kanak Negara bagi merancang kembali strategi dan tindakan untuk melindungi kanak-kanak,” katanya.

Dasar Kanak-Kanak antara lain memastikan setiap kanak-kanak termasuk golongan orang kurang upaya (OKU) dilindungi daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi.



**Mangsa sendiri buat aduan**

Sementara itu, Ketua Pengurusan Kes Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), Vaneezha Muniandi berkata, sepanjang enam bulan pertama tahun lalu, sebanyak 62 kes penderaan kanak-kanak direkodkan.

Aduan dibuat menerusi beberapa platform yang disediakan seperti Hotline, konsultasi secara berdepan dan talian WhatsApp.

Katanya, penderaan kanak-kanak yang banyak dilaporkan adalah gangguan dan penderaan secara seksual.

“Paling mengejutkan ramai kanak-kanak berusia 12 tahun ke atas yang menghubungi kami untuk mengadu kes penderaan dan gangguan yang dialami mereka.

“Mujurlah kanak-kanak kini celik teknologi, mereka tahu di mana untuk mencari pertolongan dan tidak mengharapkan orang dewasa semata-mata,” katanya.

Lebih menyedihkan katanya, gangguan berkenaan sering datang daripada ahli keluarga atau kenalan terdekat yang sepatutnya bertindak melindungi kanak-kanak.

“Berdasarkan laporan diterima selalunya gangguan seksual itu melibatkan seks oral atau menggunakan objek dengan niat untuk menganiaya kanak-kanak terbabit,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, agak sukar untuk mengenal pasti si pelaku yang melakukan jenayah atau antunan seksual (*sexsual grooming*).

Hal itu kerana, segelintirnya pandai bertopengkan sikap baik dan menyukai kanak-kanak bagi mengaburi mata orang ramai.

Dalam perkembangan sama, Vaneezha berkata, setiap aduan yang diterima akan dibantu dan diuruskan.

Antaranya adalah dengan mendapatkan maklumat lanjut daripada pengadu sebelum laporan polis dibuat.

Mangsa juga akan dirujuk kepada Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC).
OSCC adalah perkhidmatan dijalankan Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital yang beroperasi 24 jam.

Perkhidmatan yang disediakan termasuk penilaian awal dan merawat mangsa yang terlibat dalam kes keganasan rumah tangga, rogol, liwat, keganasan seksual serta penderaan kanak-kanak.

“Jika berlaku penderaan, kanak-kanak akan mendapat pemeriksaan di situ untuk mengenal pasti tahap kecederaan dialami,” katanya.

Selain itu, ujarnya, WAO turut menyediakan tempat perlindungan, kaunseling dan bantuan krisis kepada wanita dan kanak-kanak mangsa dera.



**Murung, pendiam tanda gangguan seksual**

Terdapat beberapa tanda yang boleh diperhatikan ibu bapa atau penjaga untuk mengesan jika anak mengalami gangguan seksual.

Tanda itu ialah apabila mangsa tiba-tiba kemurungan, tekanan dan tingkah laku abnormal seperti mudah hilang fokus, terlalu pendiam dan menjauhkan diri daripada orang sekeliling.



Ketua Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr. Rojanah Kahar berkata, mangsa dera biasanya mengambil masa yang lama untuk sembuh.

Sekiranya tiada sokongan sosial atau rawatan psikologi, ia boleh menjejaskan kehidupan kanak-kanak.

“Kesan penderaan juga akan menjejaskan pertumbuhan fizikal dan kesejahteraan mental kanak-kanak.

“Antaranya, hilang keyakinan diri, tidak percaya dengan orang lain, timbul rasa malu dan hina di samping marah,” katanya.

# Sarawak govt provides RM59,050 to fire victims in Kampung Bintawa Hilir

By NST Hyperlocal - January 17, 2024 @ 11:57am



File pic credit (UKAS)

KUCHING: The Sarawak government, through the Social Welfare department (JKM), has provided financial assistance totalling RM59,050 to the victims of a fire incident in Kampung Bintawa Hilir that occurred on Jan 5.

The fire had resulted in seven houses being completely burned, while two other houses were partially affected.

Sarawak Women, Childhood and Community Wellbeing Development Minister, Datuk Seri Fatimah Abdullah, said the aid was distributed in the form of a check and followed the quantum or portions determined by JKM.

She said it was distributed under the Sarawak Department of Social Welfare (JKMS) disaster relief programme, including cash assistance, food, daily clothing, school uniforms and equipment, bedding, kitchen utensils, and construction materials.

"Today, we are handing over assistance checks to the fire victims after conducting investigations by looking at several family members and the profiles of affected families.

"Therefore, we hope that such assistance can help alleviate the burden of these fire victims during difficult times," she said, according to UKAS.

She made these remarks when speaking to reporters after handing over the aid checks at the temporary relief centre at Dewan Rekreasi Bimajaya Kampung Bintawa Hilir, here on Monday.

# Pengasuh warga asing lari selepas dera kanak-kanak usia 3 tahun hingga patah kaki

Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my



Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid pada sidang media pada perhimpunan bulanan IPK Kuala Lumpur. FOTO SAIFULLIZAN TAMADI

Kuala Lumpur: Polis sedang mengesan pengasuh warga asing yang melarikan diri selepas mendera kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun sehingga patah kaki.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Allaudeen Abdul Majid berkata, pengasuh terbabit melarikan diri sebelum majikannya tampil membuat laporan polis pada 8 Januari lalu.

"Pengasuh berkenaan belum ditemui namun kertas siasatan sudah dibuka.

"Kita masih mengesan keberadaan pengasuh terbabit," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Konntinjen (IPK) Kuala Lumpur, di sini, hari ini.

Terdahulu, pada 11 Januari lalu, Harian Metro melaporkan seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun dicubit, digigit dan dipukul sehingga patah kaki oleh pengasuhnya yang juga wanita warga asing.

Perkara itu terbongkar selepas kanak-kanak malang itu tidak sedarkan diri dan dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU), Hospital Kuala Lumpur (HKL) akibat kecederaan dialami pada Isnin minggu lalu.

Ibu kanak-kanak yang berusia 36 tahun mendakwa mengambil pengasuh itu daripada sebuah agensi pekerjaan warga asing kira-kira tiga tahun lalu.

Difahamkan, wanita itu ditugaskan membantu menjaga anaknya yang menerima rawatan di HKL akibat masalah kesihatan.

Pada 2022, pengadu mula menyedari terdapat kesan lebam dan luka di beberapa bahagian badan, muka serta kemaluan anaknya namun, pengasuh menafikan melakukan penderaan.

Susulan kejadian itu, pengasuh melarikan diri sebelum ibu mangsa tampil membuat laporan polis untuk tindakan lanjut.

Sehubungan itu, Ketua Polis Daerah Dang Wangi Asisten Komisioner Noor Dellhan Yahaya turut mengesahkan menerima laporan ibu mangsa pada 8 Januari lalu.

Rakaman keterangan pengadu sudah diambil manakala siasatan dijalankan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001,

tamat

Disiarkan pada: Januari 17, 2024 @ 11:08am

# Harap keadilan berpihak kepada Jahidah – Bapa

Oleh MOHD SHARKAWI LONDING 17 Januari 2024, 2:48 pm



NORDIN ditemani anaknya, Fazariah ketika hadir mengikuti keputusan akhir kes pendakwaan kes pukul anak sulungnya, Jahidah di Mahkamah Sesyen Johor Bahru hari ini.

JOHOR BAHRU – Bapa mangsa keganasan rumah tangga yang dipukul bekas suaminya sehingga parah dan kini masih koma berharap keadilan berpihak kepada mangsa, Jahidah Nordin, 46.

Bapa Jahidah, Nordin Kassim, 70, berkata, keluarganya bersyukur dengan keputusan akhir kes pendakwaan yang berjaya membuktikan kes prima facie terhadap bekas menantunya, Rosmaini Abd. Raof, 41.

"Hari ini perbicaraan masih ditangguh kerana OKT (orang kena tuduh) diarah untuk bela diri, belum ada keputusan.

"Harapan saya, harap saksi-saksi, laporan doktor (perbicaraan bela diri) nanti memihak kepada anak saya," katanya ketika ditemui Kosmo! selepas keputusan kes akhir pendakwaan di Mahkamah Sesyen di sini hari ini.

Nordin yang juga pesara kerajaan berkata, dia datang dari Keningau, Sabah semalam sebelum menziarahi anaknya, Jahidah yang kini masih terlantar di rumah anaknya, Fauziah di Sendayan, Seremban, Negeri Sembilan.

Ketika ditanya keadaan terkini Jahidah, Nordin berkata, anak sulung daripada tujuh beradik itu masih terlantar dan tiada perubahan atau tindak balas dan ketika ini masih makan atau minum melalui hidung mengguna tiup.

Terdahulu, Mahkamah Sesyen di sini mengarahkan bekas suami Jahidah, Rosmaini untuk membela diri selepas Hakim Fatimah Zahari membuat keputusan pihak pendakwaan berjaya menimbulkan kes prima facie.

Mahkamah menetapkan 24 Januari depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Kosmo! pada pada 17 Mei 2021 melaporkan seorang kakitangan awam di negeri ini terpaksa bertarung nyawa di Unit Rawatan Rapi (ICU), Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini selepas dipercayai dibelasah suaminya dalam kejadian pada 4 Mei lalu. – KOSMO! ONLINE

# 'Boss' tidak adil buat penilaian, mangsa gangguan seksual boleh lapor polis




Ini kerana katanya, sekiranya mangsa berasa tidak selesa dengan tindakan tersebut, laporan polis boleh dibuat dan tindakan boleh diambil kerana membuat gangguan seksual.

Malah menurut beliau, cara pandang yang seakan 'mahu makan orang' dan membuatkan seseorang itu tidak selesa, ia boleh dikategorikan sebagai gangguan bukan lisan.

Ketua Unit Pusat Temuduga Kanak-Kanak (CIC) Polis Diraja Malaysia (PDRM), Deputi Superintenden Siti Noridah Md Ayob berkata, mangsa boleh membuat laporan di mana-mana balai polis berhampiran bagi proses siasatan dijalankan.

Beliau berkata, doktor yang membuat pemeriksaan ke atas mangsa gangguan seksual juga boleh membantu membuat laporan polis.

"Setelah laporan polis dibuat, pegawai penyiasat boleh mendapatkan waran untuk memanggil saksi kejadian sekiranya saksi enggan memberi kerjasama.

"Mangsa perlu mengemukakan bukti seperti tarikh kejadian, masa, tempat kejadian, warna pakaian pelaku dan orang lain sekiranya ada di tempat kejadian," katanya pada Rabu.

Beliau berkata demikian pada sesi perkongsian berhubung jenayah gangguan seksual bersama masyarakat sempena Hari Integriti Edgenta 2024 di Menara UEM, Bangsar South, dekat sini.

Siti Noridah berkata, gangguan seksual terbahagi kepada lima bentuk iaitu secara lisan, bukan lisan atau gangguan isyarat, gangguan visual, fizikal serta psikologi.

Jelasnya, seseorang individu dinasihatkan untuk tidak sewenang-wenangnya menyentuh insan lain.

Ini kerana katanya, sekiranya mangsa berasa tidak selesa dengan tindakan tersebut, laporan polis boleh dibuat dan tindakan boleh diambil kerana membuat gangguan seksual.

Malah menurut beliau, cara pandang yang seakan 'mahu makan orang' dan membuatkan seseorang itu tidak selesa, ia boleh dikategorikan sebagai gangguan bukan lisan.

"Individu yang menghendap mangsa juga boleh diambil tindakan di bawah Akta Anti Stalking 2023.

"Selain itu, Akta Antigangguan Seksual 2022 juga diguna pakai ke atas mana-mana penjawat awam atau pekerja swasta yang melakukan gangguan seksual," ujarnya.

# Saya hidup dalam ketakutan – Acacia

Oleh MOHD YUNUS YAKKUB 17 Januari 2024, 2:58 pm



Acacia (gambar kecil). Mohamad Safiq ketika dibawa untuk prosiding perbicaraan di Mahkamah Majistret Shah Alam, hari ini. FOTO AFIQ RAZALI/ KOSMO!

SHAH ALAM – Seorang jurugambar wanita yang menjadi mangsa gangguan seksual memaklumkan kepada Mahkamah Majistret hari ini bahawa telah diganggu sejak 2017 lagi.

Acacia Mardiana Daud,32, yang menjadi saksi pertama perbicaraan itu memberitahu hal tersebut ketika pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya Zilfinaz Abbas di hadapan Majistret Sasha Diana Sabtu.

Kata Acacia, gangguan dan hendapan tertuduh, Mohamad Safiq Rosli, 38, telah membuatkan dirinya mengalami trauma teruk dan hidup dalam ketakutan.

"Saya rasa takut akan keselamatan saya dan tidak berani keluar sehingga ganggu kerja, aktiviti seharian dan mengganggu masa depan saya.

"Saya hidup dalam ketakutan," katanya ketika memberikan kenyataan dalam prosiding menerusi panggilan video, hari ini.

Sementara itu, saksi kedua pendakwaan, Pegawai Penyiasat Kanan Ibu Pejabat Daerah (IPD) Petaling Jaya, Asisten Superintendan Mohd. Hafizee Ismail menjelaskan hasil data 'preservation' daripada pihak Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) berjaya menimbulkan beberapa bukti gangguan atas pemilik akaun twitter Mohamad Syafiq sebagaimana didakwa Acacia Mardiana.

Zilfinaz: Siapa pentadbir akaun Twitter

Mohd. Hafizee : Mohamad Safiq

Zilfinaz: Bagaimana tahu

Mohd. Hafizee : Sebab menggunakan user name (identiti pengguna) dan password (kata laluan) berkenaan semasa data 'preservation' didepan saya

Justeru, kata Mohd. Hafizee hasil siasatannya mendapati tertuduh yang menghendap Acacia Mardiana kerana terdapat beberapa bukti yang dapat dikaitkan seterusnya telah melakukan kesalahan jenayah di bawah Seksyen 570A kanun keseksaan.

Mohamad Safiq yang juga bekas pereka sambilan tersebut menjadi individu pertama didakwa atas kesalahan menghendap selepas selepas akta berkaitannya dikuatkuasakan pada tahun lalu.

Berdasarkan pertuduhan, Mohamad Safiq didakwa menggunakan akaun @sopert99 secara berulang mengganggu mangsa, Acacia Mardiana Daud, 31, di akaun "@ShaFoShizzle".

Gangguan itu kemudian dibaca di sebuah rumah di daerah ini, yang mana tertuduh sepatutnya tahu gangguan tersebut boleh mendatangkan ketakutan kepada mangsa. Antara gangguan itu adalah membabitkan luahan perasaan.

Kesalahan dilakukan pada 15 Julai hingga 21 Julai 2023.

Berikutan itu, tertuduh didakwa atas kesalahan menghendap di bawah seksyen 507A (1) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum tiga tahun atau denda atau kedua-duanya

Peguam Fithril Hakim Ab. Jalil mewakili tertuduh tidak melakukan sebarang pemeriksaan balas.

Mahkamah kemudiannya menangguhkan perbicaraan seketika bagi meneliti segala eksibit dan hujahan di akhir pendakwaan.

Sebelum ini, Mohamad Safiq mengaku bersalah atas pertuduhan dihadapinya namun mahkamah menolaknya apabila terdapat isu berhubung ketidakwarasan (insanity) dalam bantahan awal yang dibangkitkan pihak pendakwaan. – KOSMO! ONLINE

# Remaja hilang dakwa kena cabul, liwat dalam hotel

Oleh AZMI NORDIN 17 Januari 2024, 11:01 pm




Gambar hiasan.

KUALA LUMPUR – Salah seorang daripada dua beradik yang sebelum ini dilaporkan hilang di Taman Bernam Jaya, Hulu Selangor mendakwa diliwat dan dicabul di dalam sebuah hotel di Jalan Sultan, di sini.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid berkata, pihaknya menerima laporan kejadian tersebut daripada seorang lelaki berusia 16 tahun, 12 Januari lalu.

Jelasnya, mangsa mendakwa dirinya dicabul dan diperlakukan perkara tidak senonoh oleh seorang individu di sebuah hotel di Jalan Sultan, di sini.

"Dalam siasatan kes ini, bertindak atas maklumat risikan, pihak polis berjaya menahan seorang individu berusia 42 tahun yang dipercayai terlibat dalam kes tersebut di hadapan sebuah hotel di lokasi sama.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 377C Kanun Keseksaan dan Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017," katanya dalam kenyataan hari ini.

Tambah Allaudeen, individu yang ditahan telah direman selama tujuh hari bermula Sabtu lalu hingga Jumaat ini bagi membantu siasatan.

"Untuk kes ini, pihak polis masih mengesan keberadaan adik mangsa," katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau menegaskan pihak polis mendapati remaja lelaki tersebut bukan diculik sebagaimana dilaporkan, sebaliknya telah keluar dari rumah di Hulu Bernam, Selangor dan terdapat siasatan berkenaan kes ini.

"Siasatan kes ini masih berjalan dan pihak polis menyeru orang ramai untuk memberikan kerjasama dan menyalurkan maklumat berhubung kejadian ini.

"Sebarang maklumat boleh disalurkan melalui Hotline Polis Kuala Lumpur di atas talian 03- 21159999 atau mana-mana balai polis yang berhampiran," katanya.

Terdahulu, media melaporkan, seorang daripada dua beradik lelaki yang dilaporkan hilang di Taman Bernam Jaya, Hulu Bernam, Selangor pada 1 Januari lepas ditemukan dalam keadaan tidak bermaya di Stesen LRT Pasar Seni, 11 Januari lalu.

Ibu mangsa yang berusia 39 tahun berkata, anaknya yang mesra dengan panggilan Along, mendakwa dia dan adiknya, telah dilarikan oleh individu yang tidak dikenali sebelum dibawa dan dikurung di sebuah motel di Jalan Petaling.-KOSMO! ONLINE

# Juruteknik didakwa 12 pertuduhan rogol, amang seksual anak tiri



TERTUDUH mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, Ayer Keroh, Melaka atas 12 pertuduhan melakukan amang seksual dan merogol dua anak tirinya sejak Mac tahun lalu. - UTUSAN/SYAFEEQ AHMAD

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI 17 Januari 2024, 3:38 pm

MELAKA: Seorang juruteknik swasta didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas 12 pertuduhan melakukan amang seksual dan merogol dua anak tirinya sejak Mac tahun lalu.

Tertuduh yang berusia 44 tahun bagaimanapun mengaku tidak bersalah sejurus 12 pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Dharmafikri Abu Adam.

Berdasarkan enam kertas pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap dua kanak-kanak perempuan berusia 11 dan 16 tahun.

Perbuatan itu dilakukan kira-kira pukul 2 petang hingga 11 malam di sebuah rumah bernombor di Taman Merlimau Emas Seksyen 2, Merlimau dalam daerah Jasin antara Mac 2023 hingga Januari 2024.

Sabit kesalahan tertuduh berdepan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebat mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 dan dibaca bersama Seksyen 16 akta sama.

Tertuduh turut didakwa tiga pertuduhan di bawah Seksyen 377 CA kerana melakukan amang seksual menggunakan objek terhadap mangsa yang berusia 11 tahun antara Mac 2023 hingga Januari 2024.

Sabit kesalahan tertuduh boleh dihukum penjara tidak kurang lima tahun dan maksimum 30 tahun dan sebat.

Sementara itu, tertuduh juga berdepan tiga pertuduhan merogol di bawah Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan terhadap mangsa berusia 11 tahun pada Mei 2023 dan Januari 2024.

Tertuduh berdepan hukuman penjara tidak kurang lapan tahun dan tidak melebihi 20 tahun dan sebat tidak kurang 10 sebatan, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Rashidah Baharom mencadangkan jaminan sebanyak RM70,000 bagi kesemua pertuduhan dan dikenakan syarat tambahan.

Tertuduh yang diwakili peguam Umar Zulkarnain merayu jaminan rendah dengan alasan anak guamnya masih menanggung ibu berusia 72 tahun.

Mahkamah membenarkan jaminan sebanyak RM40,000 dengan seorang penjamin warganegara, pasport diserah kepada mahkamah dan perlu melapor diri di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka setiap bulan.

Tertuduh dan pihak lain juga dilarang menghubungi dan mengganggu mangsa sehingga kes selesai. – UTUSAN

# Police: College student cries rape to cover pregnancy

By Abnor Hamizam Abd Manap - January 17, 2024 @ 12:11pm




District police chief Superintendent Hoo Chang Hook said the student claimed that she was raped at a house in Kampung Serting Ilir, Bahau near here at about an hour before she lodged the report.- NSTP file pic

JEMPOL: Fearful of being reprimanded by her parents for being pregnant out of wedlock, a 20-year-old college student yesterday lodged a false report claiming that she was a victim of rape.

Acting on the woman's report lodged at Batu Kikir police station at 7.29pm, she was summoned to have her statement recorded on the claims she made.

District police chief Superintendent Hoo Chang Hook said the student claimed that she was raped at a house in Kampung Serting Ilir, Bahau near here at about an hour before she lodged the report.

"The student claimed the incident took place after a man who wore a mask and black attire broke into her house.

"A forensics team was dispatched and it conducted an investigation at the scene when the alleged incident took place. However, it did not find any specimen or semen stain," he said.

The student was also sent to the Jempol Hospital for the medical inspection and received the necessary treatment.

"The medical inspection showed the student did not suffer any injuries and that she was five months pregnant," Hoo said.

Upon inspecting the student's mobile phone, Hoo said the police found a conversation which they deemed suspicious between the student and her boyfriend.

During interrogation, she admitted to lodging a false report and that the claims were fabricated.

"The student had lodged the false report for fear that her family would find out about her conceiving her boyfriend's baby," he said, adding that the case is being investigated under Section 182 of the Penal Code.

# Rogol, samun atas jejantas, warga Pakistan ditahan

Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my



ANBALAGAN menunjukkan suspek kes samun rogol pada sidang media di Ibu pejabat Polis Daerah Serdang, hari ini. FOTO Hazreen Mohamad

Serdang: Lelaki warga Pakistan yang dipercayai terbabit kes samun dan rogol seorang wanita pada Ahad lalu, ditahan selepas kelibatnya melarikan diri selepas melakukan jenayah itu dirakam kamera litar tertutup (CCTV).

Lelaki berusia berusia 23 tahun itu ditahan di sebuah kondominium di Taman Serdang Perdana, Seri Kembangan, di sini, jam 8.30 malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner AA Anbalagan berkata, terdahulu, polis menerima laporan daripada seorang wanita berusia 29 tahun mendakwa dirogol dan disamun seorang lelaki ketika melalui jejantas Keretapi Tanah Melayu (KTM) Serdang, Ahad lalu.

Katanya, dalam kejadian 12.40 tengah malam itu, mangsa yang baharu seminggu bekerja sebagai promoter sambilan di sebuah pusat beli belah di Putrajaya dalam perjalanan pulang ke rumah di Jalan Dagang, Sungai Besi.

"Mangsa mendakwa dihampiri lelaki tidak dikenali di atas jejantas berkenaan sebelum dirogol dan telefon bimbitnya disamun, selain turut diacukan pisau.

"Hasil siasatan dan penelitian rakaman CCTV di lokasi berhampiran, polis menahan seorang lelaki warga Pakistan yang disyaki terbabit dalam kejadian berkenaan," katanya pada sidang media di IPD Serdang, di sini, hari ini.

Anbalagan berkata, siasatan juga mendapati suspek akan membawa pin yang mana dia akan meminta mangsa membuka telefon bimbit menggunakan alat itu untuk membuang kad sim.




ANBALAGAN bersama pegawainya menunjukkan barang kes samun rogol dan pecah rumah pada sidang media di Ibu pejabat Polis Daerah Serdang. FOTO Hazreen Mohamad

Katanya, mangsa juga turut diarahkan untuk set semula (reset) telefon bimbit berkenaan.

Beliau berkata, polis turut menahan seorang lagi rakan senegaranya berusia 29 tahun yang dipercayai rakan sejenayah dalam satu lagi kejadian samun pada 30 Disember lalu.

Katanya, kejadian itu menyebabkan seorang wanita berusia 20 tahun kerugian dua telefon bimbit dan mengalami kecederaan di jari kanan.

Anbalagan berkata, kedua-dua suspek tidak bekerja yang mana semakan mendapati suspek pertama masuk ke negara ini sejak Ogos tahun lalu sementara suspek kedua sudah enam bulan berada di negara ini.

Beliau berkata, suspek mengaku terbabit dalam kedua-dua kejadian terbabit dan kes disiasat mengikut 392/397 Kanun Keseksaan, Seksyen 376 Kanun Keseksaan dan Seksyen 6 (1) )c) Akta Imigresen 1959/63.

"Suspek direman tujuh hari bermula semalam hingga 22 Januari ini bagi membantu siasatan.

"Polis meminta orang awam yang pernah menjadi mangsa samun kepada suspek ini untuk membuat laporan polis dan sekiranya mempunyai maklumat mengenai individu yang mencurigakan boleh memberi maklumat kepada kami," katanya.

**Disiarkan pada: Januari 17, 2024 @ 2:50pm**

# Lans Koperal polis didakwa rogol remaja Uzbekistan, ugut teman lelaki mangsa

Oleh Faris Fuad - Januari 17, 2024 @ 4:52pm
faris.fuad@bh.com.my




AMPANG: Seorang anggota polis hari ini didakwa di Mahkamah Sesyen di sini atas empat pertuduhan termasuk merogol remaja perempuan warga Uzbekistan berusia 17 tahun dalam kenderaan peronda polis (MPV) minggu lalu.

Lans Koperal Muhammad Fazrul Razzi Yunus, 31, turut berdepan pertuduhan berasingan kerana melakukan peras ugut ke atas remaja berusia 17 tahun yang juga teman lelaki warga Uzbekistan itu, bersama seorang anggota lain, Konstabel Muhammad Adib Aikal Sharul Nizam, 24, di mahkamah berasingan.

Muhammad Fazrul yang juga bapa kepada dua anak mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dikemukakan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Norshila Kamaruddin.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa merogol, melakukan amang seksual fizikal, persetubuhan bertentangan aturan tabii dan hubungan seks ke atas remaja terbabit tanpa kerelaannya.

Kesalahan didakwa dilakukan di tepi Jalan Persiaran Saujana Ampang pada jam 10.30 malam, 9 Januari lalu, mengikut Seksyen 376(1), 377C, dan 377CA Kanun Keseksaan, selain Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak.

Tertuduh berdepan hukuman penjara sehingga 30 tahun dan boleh disebat jika disabitkan kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Nor Azizah Mohamad mencadangkan jaminan RM20,000 bagi setiap pertuduhan, selain syarat tambahan supaya tertuduh tidak mengganggu saksi pendakwaan, menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di balai polis berdekatan setiap bulan.

Bagaimanapun, peguam bela Muhammad Fazrul Razzi, G Visvanathan Nair, menyifatkan cadangan jaminan itu terlalu tinggi, sebelum memohon jaminan RM5,000 bagi setiap tuduhan.

Norshila membenarkan jaminan RM20,000 bagi semua tuduhan dengan seorang penjamin dan syarat tambahan seperti dicadangkan pendakwaan.

Di Mahkamah Majistret pula, Muhammad Fazrul bersama Muhammad Adib mengaku tidak bersalah atas pertuduhan peras ugut.

Berdasarkan pertuduhan di hadapan Majistret, Amalina Basirah Md Top, kedua-dua tertuduh didakwa melakukan pemerasan dengan mendatangkan ketakutan bahawa rakaman individu berkenaan dan teman wanitanya itu sedang bercumbu akan disebarkan dan dengan itu, mendorong lelaki terbabit menyerahkan RM500 kepada kedua-dua tertuduh.

Kesalahan dilakukan di tepi Jalan Ampang Hillview, di sini, pada jam 10.09 malam, 9 Januari lalu, mengikut Seksyen 384 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama.

Majistret membenarkan jaminan RM4,000 bagi setiap tertuduh dengan syarat tambahan tidak mendekati mangsa dan melaporkan diri di balai polis terdekat setiap bulan.

Kedua-dua mahkamah menetapkan 12 Mac ini untuk sebutan semula kes.



Dua anggota polis didakwa kes ugut termasuk seorang kerana merogol remaja Uzbekistan di Ampang. - NSTP/AMIRUDIN SAHIB

# Didakwa aniaya anak tiri sejak 2019

Oleh TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF 17 Januari 2024, 3:25 pm




Gambar hiasan

KUALA TERENGGANU – Seorang lelaki dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tiga pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak tiri perempuannya sejak lima tahun lalu.

Tertuduh, 31, membuat pengakuan tidak bersalah sejurus pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohd. Zul Zakiqudin Zulkifli.

Berdasarkan pertuduhan pertama, dia didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap anak tiri perempuannya yang ketika kejadian berusia 11 tahun dua bulan.

Perbuatan itu didakwa dilakukan oleh tertuduh di sebuah rumah di daerah ini pada pukul 8.30 malam, Oktober 2019.

Tertuduh didakwa mengulangi perbuatan sama terhadap mangsa pada Jun 2022 dan pukul 5 petang, 8 Januari lalu di lokasi sama.

Mahkamah tidak membenarkan tertuduh diikat jamin dan menetapkan sebutan semula kes pada 18 Februari depan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Intan Nor Hilwani Mat Riffin manakala tertuduh pula tidak diwakili peguam. – KOSMO! ONLINE

# Pengawal keselamatan didakwa rogol dua anak tiri




Tertuduh berusia 28 tahun didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, pada Rabu atas tuduhan merogol dua anak tiri.

MELAKA - Seorang pengawal keselamatan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, pada Rabu, atas enam tuduhan merogol dan mencabul dua anak tiri.

Tertuduh berusia 28 tahun bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas kesemua pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Darmafikri Abu Adam.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh sebagai orang yang mempunyai hubungan amanah bapa tiri kepada dua kanak-kanak masing-masing berusia 14 dan 16 tahun telah melakukan amang seksual fizikal kepada mereka secara berasingan pada tarikh berbeza antara Jun tahun lalu hingga 2 Januari lalu.

Pendakwaan dijalankan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKSTK) 2017 dibaca bersama Seksyen 16A akta sama dan memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Tertuduh yang berbaju hitam juga didakwa merogol dua kanak-kanak sama secara berasingan pada tarikh sama dan didakwa di bawah Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara tidak kurang lapan tahun sehingga 20 tahun dan hendaklah dihukum dengan maksimum 10 sebatan.

Semua perbuatan tersebut didakwa dilakukan di Rumah Pangsa Lereh, Tanjung Kling di sini, antara Jun 2023 hingga 2 Januari lalu.

Timbalan Pendakwa Raya, Rashidah Baharom mencadangkan jaminan RM30,000 bagi empat pertuduhan dan dua pertuduhan lagi tidak ditawarkan jaminan.

Peguam Nur Aifaa Mohd Zain yang mewakili tertuduh tidak membuat sebarang rayuan kerana anak guamnya tidak berkemampuan untuk menyediakan wang jaminan.

Mahkamah kemudian mengarahkan tertuduh dibawa ke penjara dan menetapkan tarikh 27 Februari depan untuk sebutan semula kes.




mk BERITA

# Anggota polis didakwa rogol remaja dalam kereta peronda

Hidir Reduan Abdul Rashid

Diterbitkan: Jan 17, 2024 3:26 PM · Dikemaskini: 4:19 PM

Seorang anggota polis berdepan empat pertuduhan jenayah termasuk membabitkan kes merogol seorang gadis bawah umur dalam kejadian pada awal bulan ini.

Lans Koperal Muhammad Fazrul Razzi didakwa di Mahkamah Sesyen Ampang atas pertuduhan melakukan kesalahan itu terhadap remaja perempuan berusia 17 tahun di dalam kereta peronda di Ampang kira-kira 10.30 malam, 9 Jan lalu.

Tertuduh didakwa atas dua pertuduhan merogol mengikut Seksyen 376(1) dan 377CA Kanun Keseksaan.

Penjawat awam berusia 31 tahun itu juga didakwa melakukan persetubuhan luar tabii di bawah Seksyen 377C Kanun Keseksaan.
Fazrul juga didakwa melakukan serangan fizikal seksual terhadap mangsa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Jika sabit kesalahan Fazrul boleh dipenjara sehingga 30 tahun dan sebat mengikut Seksyen 377CA.

Dia juga boleh dipenjara sehingga 20 tahun jika sabit kesalahan mengikut Seksyen 377C.

Bapa kepada satu anak yang sudah berkahwin itu juga berdepan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebat atas kesalahan Seksyen 14(a).

## Tuduhan memeras ugut

Hakim Mahkamah Sesyen Norshila Kamaruddin membenarkan dia dibebaskan dengan ikat jamin RM20,000 dengan seorang penjamin, dan memerintahkan dia tidak bercakap dengan mangsa.

Sementara itu di Mahkamah Majistret Ampang, Fazrul bersama seorang lagi anggota polis, Konstabel Adib Aikal Shahrul Nizam, 24, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan memeras ugut teman lelaki remaja terbabit - yang juga berumur 17 - supaya membayar mereka RM500.

Kedua-duanya dituduh mengugut remaja lelaki itu untuk menyebarkan video pasangan bawah umur berkenaan bercium jika bayaran berkenaan tidak dibuat.

Kedua-dua tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu dalam kawasan Ampang kira-kira jam 10.09 malam pada hari kejadian serangan seksual terhadap remaja perempuan terbabit.

Kedua-dua mereka boleh dipenjara sehingga 10 tahun, denda atau sebat, atau mana-mana dua daripada hukuman itu jika didapati bersalah mengikut Seksyen 384 Kanun Keseksaan.

Majistret Amalina Basirah Md Top membenarkan kedua-dua mereka dibebaskan dengan jaminan RM4,000 dengan seorang penjamin.

Pendakwaan dikendalikan timbalan pendakwa raya Nor Azizah Mohamad, manakala tertuduh masing-masing diwakili peguam G Visvanathan Nair dan Kee Wei Lon.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DUA ANGGOTA POLIS MENGAKU TAK SALAH KES ROGOL, PERAS UGUT | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 18 JAN 2024 | M/SURAT : | 09 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Dua anggota polis mengaku tak salah kes rogol, peras ugut

**Ampang:** Seorang anggota polis semalam didakwa di Mahkamah Sesyen di sini atas empat pertuduhan, termasuk merogol remaja perempuan warga Uzbekistan berusia 17 tahun dalam kenderaan peronda polis (MPV) minggu lalu.

Lans Koperal Muhammad Fazrul Razzi Yunus, 31, turut berdepan pertuduhan berasingan kerana melakukan peras ugut ke atas remaja berusia 17 tahun yang juga teman lelaki warga Uzbekistan itu, bersama seorang anggota lain, Konstabel Muhammad Adib Aikal Sharul Nizam, 24, di mahkamah berasingan.

Muhammad Fazrul yang juga bapa kepada dua anak mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dikemukakan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Norshila Kamaruddin.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa merogol, melakukan amang seksual fizikal, persetubuhan bertentangan aturan tabii dan hubungan seks ke atas remaja terbabit tanpa kerelaannya.

Kesalahan didakwa dilakukan di tepi Jalan Persiaran Saujana Ampang pada jam 10.30 malam, 9 Januari lalu, mengikut Seksyen 376(1), 377C, dan 377CA Kanun Keseksaan, selain Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak.

Tertuduh berdepan hukuman penjara sehingga 30 tahun dan boleh disebat jika disabitkan kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Nor Azizah Mohamad mencadangkan jaminan RM20,000 bagi setiap pertuduhan, selain syarat tambahan supaya tertuduh tidak mengganggu saksi pendakwaan, menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di balai polis berdekatan setiap bulan.

## Jaminan terlalu tinggi

Bagaimanapun, peguam bela Muhammad Fazrul Razzi, G Visvanathan Nair, menyifatkan cadangan jaminan itu terlalu tinggi, sebelum memohon jaminan RM5,000 bagi setiap tuduhan.

Norshila membenarkan jaminan RM20,000 bagi semua tuduhan dengan seorang penjamin dan syarat tambahan seperti dicadangkan pendakwaan.

Di Mahkamah Majistret pula, Muhammad Fazrul bersama Muhammad Adib mengaku tidak bersalah atas pertuduhan peras ugut.

Berdasarkan pertuduhan di hadapan Majistret, Amalina Basirah Md Top, kedua-dua tertuduh didakwa melakukan pemerasan dengan mendatangkan ketakutan bahawa rakaman individu berkenaan dan teman wanitanya itu sedang bercumbu akan disebarkan dan dengan itu, mendorong lelaki terbabit menyerahkan RM500 kepada kedua-dua tertuduh.

Kesalahan dilakukan di tepi Jalan Ampang Hillview, di sini, pada jam 10.09 malam, 9 Januari lalu, mengikut Seksyen 384 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama.

Majistret membenarkan jaminan RM4,000 bagi setiap tertuduh dengan syarat tambahan tidak mendekati mangsa dan melaporkan diri di balai polis terdekat setiap bulan.

Kedua-dua mahkamah menetapkan 12 Mac ini untuk sebutan semula kes.




*Dua anggota polis didakwa kes samun dan rogol di Mahkamah Sesyen Ampang, semalam.* (Foto Amirudin Sahib/BH)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | UMT BANGUNKAN MODUL ISU GANGGUAN SEKSUAL | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 18 JAN 2024 | M/SURAT | : | 22 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# UMT bangunkan modul isu gangguan seksual



*Ketua Polis Terengganu, Datuk Mazli Mazlan (dua dari kanan) diiringi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Dr Mohd Izani Mohd Zain (kanan) melawat gerai pameran selepas Majlis Perasmian Advokasi Antigangguan Seksual, baru-baru ini.*

**Kuala Lumpur:** Isu gangguan seksual dalam kalangan mahasiswa perlu dipandang serius kerana ia menyumbang kepada ketidaksejahteraan atau mengganggu keselesaan sepanjang berada di institusi pengajian tinggi.

Prihatin terhadap isu berkenaan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sedang membangunkan modul kesejahteraan khusus kepada mahasiswa berkaitan isu gangguan seksual di negara ini.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mazlan Abd Ghaffar, berkata pihaknya memandang serius berkaitan isu terbabit dan perlu ditangani

"Hasil pembangunan Indeks Kesejahteraan Pelajar ini, kami akan memperkenalkan modul kesejahteraan yang boleh membantu meningkatkan kesihatan mental khususnya pelajar di sini.

"Isu gangguan seksual antara elemen penting dalam pembangunan modul berkenaan selain memfokuskan kesedaran pelajar mengenai isu kehidupan yang boleh mempengaruhi ketahanan diri, meningkatkan penghargaan kendiri dalam melahirkan pelajar yang berdaya tahan dan sejahtera dari sudut fizikal, mental dan emosi," katanya.

Selain pembangunan modul berkaitan gangguan seksual, Mazlan berkata pihaknya turut menganjurkan program Seminar Kasih Kaunseling @ Advokasi Antigangguan Seksual bagi memberi kesedaran kepada masyarakat berkaitan isu berkenaan.

Katanya, program yang dianjurkan oleh Pusat Kaunseling dan Kesejahteraan Mahasiswa melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMT itu turut mendapat kerjasama daripada Ibu Pejabat Kontinjen Polis Negeri Terengganu (IPK).

"Program ini adalah langkah untuk membentuk kesedaran mahasiswa dan masyarakat berkaitan perihal jenayah gangguan seksual serta hak perlindungan supaya ia dapat mewujudkan suasana persekitaran yang harmoni dan sejahtera.

"Saya yakin dan percaya, usaha kecil kita pada hari ini akan membuahkan hasil yang besar suatu hari nanti, sekali gus dapat membentuk persekitaran yang sejahtera dan bebas daripada gangguan seksual," katanya.

Antara perkongsian yang menjadi fokus utama dalam program Seminar Kasih Kaunseling @ Advokasi Antigangguan Seksual ini adalah kefahaman mengenai definisi gangguan seksual yang sebenar dan kesannya terhadap mangsa dan pemangsa.

Ia turut memperkenalkan aplikasi teori kaunseling dalam membantu isu gangguan seksual, peranan dan tanggungjawab diri sendiri dalam menjauhkan diri daripada menjadi mangsa gangguan seksual, aplikasi terapi seni dalam menangani kes gangguan seksual, kategori gangguan seksual di pejabat dan tempat belajar serta 'Townhall Discussion' Jenayah Gangguan Seksual.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | DUA POLIS MENGAKU TIDAK BERSALAH | | |
| HARI : | KHAMIS | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 18 JAN 2024 | M/SURAT : | 12 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

**SAMUN, ROGOL REMAJA UZBEKISTAN**

# Dua polis mengaku tidak bersalah

**Ampang:** Seorang anggota polis berpangkat Lans Koperal didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas empat pertuduhan merogol dan melakukan amang seksual ke atas seorang remaja perempuan warga Uzbekistan dalam kereta peronda polis, minggu lalu.

Tertuduh, Muhammad Fazrul Razzi Yunus, 31, mengaku tidak bersalah sebaik jurubahasa membacakan pertuduhan di hadapan Hakim Norshila Kamaruddin.

Mengikut pertuduhan pertama hingga keempat, bapa kepada dua anak itu didakwa merogol, melakukan amang seksual fizikal, persetubuhan bertentangan aturan tabii dan hubungan seks ke atas remaja berusia 17 tahun itu tanpa kerelaannya.

Kesalahan itu dilakukan dalam kereta peronda polis di tepi jalan Persiaran Saujana Ampang di sini, jam 10.30 malam, 9 Januari lalu mengikut Seksyen 376(1), 377C, dan 377CA Kanun Keseksaan selain Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak.

Tertuduh berdepan hukuman penjara hingga 30 tahun dan boleh disebat, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Nor Azizah Mohamad menawarkan jaminan RM20,000 bagi setiap pertuduhan dengan syarat tambahan tidak mengganggu saksi pendakwaan, pasport diserahkan kepada mahkamah dan melapor diri di balai polis berdekatan.

Bagaimanapun, peguam, G Visvanathan Nair yang mewakili tertuduh memohon jaminan RM5,000 bagi setiap pertuduhan.

"Anak guam menanggung isteri dan dua anak berusia setahun dan empat tahun serta bapa dan ibunya masing-masing berusia 76 tahun serta 70 tahun.

"Tertuduh juga mempunyai penyakit saraf otot dinamakan *Myasthenia gravis*," katanya.

Mendengar hujah kedua-dua pihak, Norshila membenarkan jaminan RM20,000 bagi semua pertuduhan dan syarat tambahan seperti diminta pendakwaan.

Sementara itu, di Mahkamah Majistret di sini, semalam, Muhammad Fazrul Razzi dan Konstabel Muhammad Adib Aikal Sharul Nizam, 24, mengaku tidak bersalah melakukan pemerasan terhadap kekasih remaja itu yang juga berusia 17 tahun.



DUA anggota polis didakwa masing-masing di Mahkamah Sesyen dan Majistret, kerana menyamun dan merogol remaja perempuan warga Uzbekistan dalam MPV polis di Bukit Ampang.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua anggota polis itu dengan sengaja melakukan pemerasan dengan mendatangkan ketakutan iaitu satu rakaman video teman lelaki mangsa dan remaja Uzbekistan itu sedang bercumbu yang akan disebarkan hingga mendorong mangsa lelaki menyerahkan RM500 kepada polis berkenaan.

Kesalahan itu dilakukan di tepi jalan Ampang Hillview di sini, jam 10.09 malam, 9 Januari lalu.

Oleh itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 384 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara hingga 10 tahun atau denda atau sebat atau mana-mana dua daripada hukuman terbabit, jika sabit kesalahan.

Peguambela Muhammad Adib Aikal, Kee Wei Lon memohon amaun jaminan munasabah terhadap anak guam dengan mengambil kira ia bertujuan memastikan kehadiran di mahkamah manakala Visvanathan Nair menggunakan hujahan sama seperti di Mahkamah Sesyen.

Amalina Basirah membenarkan jaminan RM4,000 bagi setiap tertuduh dengan syarat tambahan tidak mendekati mangsa dan melaporkan diri di balai polis terdekat setiap bulan.

Kedua-dua mahkamah menetapkan 12 Mac ini untuk sebutan semula kes.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan, dua anggota polis ditahan pada 10 Januari kerana disyaki terbabit kes samun dan rogol remaja perempuan warga Uzbekistan dalam MPV Polis di sekitar Bukit Ampang di sini.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PELAJAR KOLEJ BUAT LAPORAN PALSU DIROGOL | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 18 JAN 2024 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pelajar kolej buat laporan palsu dirogol

**Jempol:** Bimbang diri sudah mengandung diketahui keluarga, seorang pelajar kolej berusia 20 tahun membuat laporan polis palsu mendakwa menjadi mangsa rogol.

Ketua Polis Daerah Jempol Superintendan Hoo Chang Hook berkata, menerima laporan dibuat pelajar berkenaan di Balai Polis Batu Kikir jam 7.26 malam kelmarin.

Katanya polis kemudian menjalankan siasatan termasuk merakam keterangan mangsa yang mendakwa dirogol jam 6.15 petang semalam (kelmarin) di sebuah rumah di Kampung Serting Ilir, Bahau.

"Pelajar itu mendakwa dirogol selepas kediamannya dimasuki lelaki tidak dikenali yang memakai pakaian berwarna hitam dan topeng.

"Forensik yang menjalankan pemeriksaan tidak menjumpai spesimen atau cecair air mani di tempat kejadian.

"Pelajar itu kemudian dibawa ke Hospital Jempol untuk pemeriksaan lanjut dan hasil pemeriksaan mendapati pelajar itu tidak mengalami kecederaan sebaliknya sudah mengandung lima minggu," katanya semalam.

> *Pelajar itu membuat laporan palsu disebabkan sudah mengandung hasil daripada hubungan seks dengan teman lelakinya"*
>
> **Hoo Chang Hook**

Hoo berkata, pemeriksaan pada telefon bimbit pelajar itu mendapati, ada perbualan yang mencurigakan bersama teman lelakinya.

Katanya, ketika disoal siasat pelajar itu mengaku laporan dibuat adalah palsu dan rekaan semata-mata.

"Pelajar itu membuat laporan palsu disebabkan sudah mengandung hasil daripada hubungan seks dengan teman lelakinya dan takut diketahui keluarga.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 182 Kanun Keseksaan dan polis akan memohon perintah untuk menyiasat (OTI) daripada Timbalan Pendakwa Raya," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENIAGA DIARAH MEMBELA DIRI | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 18 JAN 2024 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



ROSMAINI di Mahkamah Sesyen Johor Bahru. - Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

PUKUL ISTERI HINGGA KOMA

# Peniaga diarah membela diri

Oleh Mohamed Farid Noh
am@hmetro.com.my

**Johor Bahru**

Mahkamah Sesyen di sini, semalam, memerintahkan peniaga yang didakwa menyebabkan kecederaan parah terhadap bekas isteri ketiganya hingga koma tiga tahun lalu, untuk membela dirinya.

Hakim Fatimah Zahari membuat keputusan itu selepas pihak pendakwaan berjaya membuktikan prima facie terhadap tertuduh, Rosmaini Abd Raof, 41, di akhir kes pendakwaan.

"Selepas meneliti keterangan saksi pendakwaan termasuk dokumen, eksibit dan hujahan bertulis pendakwaan dan pembelaan, mahkamah mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie.

"Oleh itu, tertuduh diperintahkan untuk membela diri mengikut Seksyen 325 Kanun Keseksaan," katanya.

Rosmaini diberi tiga pilihan untuk membela diri iaitu pertama, beliau boleh berdiam diri dan tidak menjawab pertuduhan; kedua, beliau boleh memberi kenyataan tidak bersumpah daripada tempat saksi atau memberi keterangan secara bersumpah.

Tertuduh memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah ketika membela diri.

Mahkamah kemudian menetapkan 24 Januari ini bagi sebutan semula bagi menetapkan tarikh perbicaraan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Bariah Jalil manakala tertuduh diwakili peguam TC Lim.

Peguam pemerhati yang mewakili keluarga Jahidah Nordin@Sylvester, Muhammad Hazeem Mohd Norizan turut hadir mengikuti prosiding berkenaan.

Terdahulu, keluarga Jahidah membabitkan bapanya, Nordin Kasim, 70, selain dua adiknya, Fauziah dan Fazariah Nordin, hadir seawal jam 8 pagi di perkarangan mahkamah bagi mengikuti kes berkenaan.

Pada 17 Jun 2021, Rosmaini, dilaporkan tidak mengaku bersalah atas pertuduhan menyebabkan kecederaan parah terhadap bekas isteri ketiganya, itu.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh didakwa dengan sengaja menyebabkan kecederaan ke atas bekas isteri ketiga, Jahidah Nordin@Sylvester, dengan memukul kepala, muka dan tangan serta menghentak kaki pada bahagian belakang badan isterinya itu sehingga menyebabkan kecederaan parah.

# Penderitaan Jahidah bakal terbela: Bapa

**Johor Bahru:** Keluarga wanita yang dibelasah suami sehingga koma berharap penderitaan ditanggung mangsa, Jahidah Nordin@Sylvester, 46, sejak hampir tiga tahun lalu, bakal terbela.

Bapa Jahidah, Nordin Kassim, 70, berkata, dia masih sedih mengenangkan nasib menimpa anak sulungnya itu.

Beliau yang juga pesara tiba dari Keningau, Sabah, Isnin lalu, bagi mengikuti prosiding kes itu di mahkamah selain melawat Jahidah di Sendayan, Seremban.

"Menjadi harapan besar keluarga segala penderitaan Jahidah akan mendapat pembelaan sewajarnya.

"Namun kami sekeluarga lega dan bersyukur apabila mahkamah memerintahkan bekas menantu membela diri atas pertuduhan menyebabkan kecederaan parah terhadap anak sulung kami itu," katanya selepas prosiding mahkamah berakhir semalam.

Ditanya mengenai keadaan terkini anak sulungnya itu, Nordin berkata, keadaan Jahidah masih sama dan tidak berubah berbanding sebelum ini.

"Keadaan Jahidah masih sama macam dulu. Langsung tidak boleh bergerak dan hanya terlantar di katil tanpa boleh bercakap.

> *Keadaan Jahidah masih sama macam dulu. Langsung tidak boleh bergerak dan hanya terlantar di katil tanpa boleh bercakap"*
>
> **Nordin Kassim**

"Saya sebak melihat penderitaan ditanggungnya apatah lagi cucu saya, J Eshan Nufail, dua tahun tidak mendapat kasih sayang ibu," katanya

Mahkamah Sesyen di sini, semalam, memerintahkan bekas suami mangsa yang juga peniaga, Rosmaini Abd Raof, 41, untuk membela dirinya.

Hakim Fatimah Zahari membuat keputusan itu selepas pihak pendakwaan berjaya membuktikan prima facie terhadap tertuduh di akhir kes pendakwaan.

Terdahulu, Nordin serta dua anaknya, Fauziah dan Fazariah hadir seawal jam 8 pagi di perkarangan mahkamah bagi mengikuti kes berkenaan.

Pada 17 Jun 2021, Rosmaini, dilaporkan tidak mengaku bersalah atas pertuduhan menyebabkan kecederaan parah terhadap bekas isteri ketiganya itu.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POLIS KESAN PENGASUH DERA BUDAK TIGA TAHUN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 18 JAN 2024 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Polis kesan pengasuh dera budak tiga tahun




**Kuala Lumpur:** Polis sedang mengesan pengasuh warga asing yang melarikan diri selepas mendera kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun sehingga patah kaki.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Allaudeen Abdul Majid berkata, pengasuh terbabit melarikan diri sebelum majikannya tampil membuat laporan polis pada 8 Januari lalu.

"Pengasuh berkenaan belum ditemui namun kertas siasatan sudah dibuka.

"Kita masih mengesan keberadaan pengasuh terbabit," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Konntinjen (IPK) Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Terdahulu, pada 11 Januari lalu, Harian Metro melaporkan seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun dicubit, digigit dan dipukul sehingga patah kaki oleh pengasuhnya yang juga wanita warga asing.

Perkara itu terbongkar selepas kanak-kanak malang itu tidak sedarkan diri dan dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU), Hospital Kuala Lumpur (HKL) akibat kecederaan dialami pada Isnin minggu lalu.

Ibu kanak-kanak yang berusia 36 tahun mendakwa mengambil pengasuh itu daripada sebuah agensi pekerjaan warga asing kira-kira tiga tahun lalu.

Difahamkan, wanita itu ditugaskan membantu menjaga anaknya yang menerima rawatan di HKL akibat masalah kesihatan.

Pada 2022, pengadu mula menyedari terdapat kesan lebam dan luka di beberapa bahagian badan, muka serta kemaluan anaknya namun pengasuh menafikan melakukan penderaan.

Susulan kejadian itu, pengasuh melarikan diri sebelum ibu mangsa tampil membuat laporan polis untuk tindakan lanjut.

Sehubungan itu, Ketua Polis Daerah Dang Wangi Asisten Komisioner Noor Dellhan Yahaya turut mengesahkan menerima laporan ibu mangsa pada 8 Januari lalu.

Rakaman keterangan pengadu sudah diambil manakala siasatan dijalankan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | RAKAMAN CCTV BANTU TANGKAP SUSPEK SAMUN, ROGOL | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 18 JAN 2024 | M/SURAT : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Rakaman CCTV bantu tangkap suspek samun, rogol

**Serdang:** Kamera litar tertutup (CCTV) yang merakam lelaki melarikan diri selepas melakukan samun dan rogol berjaya membantu polis menahan seorang warga Pakistan di kaki lima kondominium di Taman Serdang Perdana, Seri Kembangan di sini, Isnin lalu.

Ketua Polis Daerah Serdang Asisten Komisioner AA Anbalagan berkata, seorang wanita berusia 29 tahun yang bekerja sebagai promoter sementara di sebuah pusat beli-belah di Putrajaya melalui jejantas Keretapi Tanah Melayu (KTM) Serdang sebelum dihampiri lelaki tidak dikenali dalam kejadian jam 12.40 tengah malam Ahad lalu.

Menurutnya, mangsa dalam perjalanan pulang ke rumahnya di Jalan Dagang, Sungai Besi dari tempat kerja sebelum disamun telefon bimbit sebelum dirogol di jejantas itu dengan suspek turut mengacukan pisau.

"Mangsa yang trauma kemudiannya tampil membuat laporan polis dan hasil siasatan pada jam 8.30 malam kelmarin (Isnin), Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang menahan lelaki warga Pakistan berusia 23 tahun yang terbabit dalam kejadian samun dan rogol itu.

"Turut ditahan seorang lagi rakan senegara berusia 29 tahun yang dipercayai rakannya dalam satu lagi kejadian samun pada 30 Disember lalu yang menyebabkan seorang wanita berusia 20 tahun kerugian dua telefon bimbit dan mengalami kecederaan di jari kanan," katanya ketika sidang media di IPD Serdang di sini, semalam.

Anbalagan berkata, kedua suspek tidak bekerja dan semakan mendapati suspek pertama masuk ke negara ini sejak Ogos tahun lalu, sementara suspek kedua pula sudah enam bulan berada di negara ini.

"Siasatan juga mendapati mangsa baru seminggu bekerja di pusat beli belah itu sebelum disamun dan dirogol.

"Suspek juga akan membawa pin di mana akan meminta mangsa membuka telefon bimbit menggunakan pin itu untuk membuang sim kad sebelum diarahkan untuk *reset* (membetulkan) semula telefon bimbit," katanya.

Beliau berkata, suspek mengaku terbabit dalam kedua-dua kejadian terbabit dan kes disiasat mengikut 392/397 Kanun Keseksaan, Seksyen 376 Kanun Keseksaan dan Seksyen 6 (1) )c) Akta Imigresen 1959/63.

"Suspek direman tujuh hari bermula semalam (kelmarin hingga 22 Januari ini bagi membantu siasatan di mana CCTV turut membantu dalam mengesan suspek sehingga berjaya menangkap mereka.

"Pihak IPD Serdang menyarankan orang awam yang pernah menjadi mangsa kepada suspek ini untuk membuat laporan polis dan sekiranya mempunyai maklumat individu yang mencurigakan boleh memberi maklumat," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAN HELD OVER RAPE, ROBBERY | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 18 JAN 2024 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

VIOLATED ON PEDESTRIAN BRIDGE

# MAN HELD OVER RAPE, ROBBERY

Cops track Pakistani suspect using CCTV footage; accomplice in Dec 30 robbery also nabbed

MUHAAMAD HAFIS NAWAWI
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my



*Serdang police chief Assistant Commissioner A.A. Anbalagan describing the crimes of the Pakistani suspects at the Serdang police headquarters yesterday.* PIC BY HAZREEN MOHAMAD

A PAKISTANI man accused of robbery and rape was detained in the vicinity of a condominium in Taman Serdang Perdana, Seri Kembangan, on Tuesday.

He was arrested after police traced his escape route based on closed-circuit television (CCTV) camera footage.

District police chief Assistant Commissioner A.A. Anbalagan said in the incident that occurred at 12.40am on Sunday, a 29-year-old woman was walking from the Serdang Keretapi Tanah Melayu station via a pedestrian bridge when she was approached by the suspect.

The victim, who works as a part-time promoter at a shopping centre in Putrajaya, was on her way home from work when she was robbed of her mobile phone and then raped on the pedestrian bridge.

The suspect had also brandished a knife at the victim.

"The traumatised victim then lodged a report, and as a result of the investigation at 8.30pm yesterday (Tuesday), police detained a 23-year-old suspect who is a Pakistani national.

"A 29-year-old man believed to be an accomplice in another robbery on Dec 30, in which a 20-year-old woman lost two mobile phones and sustained an injury on her right finger, was also arrested," he said at the Serdang police headquarters.

Anbalagan said both men were unemployed and investigations revealed that the first suspect entered the country in August last year, and the second had been here for just six months.

"The victim had only been working at the shopping centre for a week before the incident.

"The suspect would also carry a pin needle and ask the victim to open the mobile phone using it to remove the SIM card before being directed to reset the mobile phone," he said.

He added that the suspects had admitted to their involvement in both incidents.

"The suspects have been remanded until Jan 22 to assist in the investigation, where CCTV also played a role in tracking them, leading to their capture."

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PREGNANT COLLEGE STUDENT MAKES FALSE RAPE REPORT | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 18 JAN 2024 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

**5 MONTHS PREGNANT**

# Pregnant college student makes false rape report

**JEMPOL:** Fearful of being reprimanded by her parents for being pregnant out of wedlock, a 20-year-old college student on Tuesday lodged a false report claiming that she was a victim of rape.

Acting on the woman's report lodged at Batu Kikir police station at 7.29pm, she was summoned to have her statement recorded.

District police chief Superintendent Hoo Chang Hook said the student claimed she was raped in a house in Kampung Serting Ilir, Bahau, Negri Sembilan near here, about an hour before she lodged the report.

"The student claimed the incident took place after a man who wore a mask and black clothes broke into her house.

"A forensic team conducted an investigation at the scene. However, the team did not find any specimens or semen stains."

The student was sent to Jempol Hospital for an inspection.

"The medical inspection showed that the student did not have any injuries and that she was five months' pregnant."

He said police checked the student's mobile phone and found a conversation that they deemed suspicious between the student and her boyfriend.

During interrogation, she admitted to lodging a false report and that the claims were fabricated.

"The student had lodged the false report for fear that her family would find out about her conceiving her boyfriend's baby."

He said the case was being investigated under Section 182 of the Penal Code.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | RAPE OF MINOR: COP CHARGED | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 18 JAN 2024 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

STOPPED AT BUKIT AMPANG VIEW

# RAPE OF MINOR: COP CHARGED

## He and partner also claim trial to extorting RM500 from Uzbek teen, her male friend

RAHMAT KHAIRULRIJAL
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

A POLICE lance corporal was yesterday charged with raping an Uzbek teenager in a patrol car while on duty last week.

Muhammad Fazrul Razzi Yunus was also charged with committing unnatural sex, carnal intercourse against the order of nature and sexual assault against the 17-year-old victim near Persiaran Saujana Ampang at 10.30pm on Jan 9.

Fazrul, a father of two, pleaded not guilty to all offences before Sessions Court judge Norshila Kamaruddin.

The 31-year-old accused faces a maximum of 30 years' imprisonment and whipping upon conviction.

Deputy public prosecutor Nor Azizah Mohamad asked the court to set RM20,000 bail for each of the charges.

"We also ask the accused not to disturb the witness and report himself to the nearest police station."




*The two policemen being brought to the Ampang court complex in Kuala Lumpur yesterday. One of them, Muhammad Fazrul Razzi Yunus, faces a maximum of 30 years' imprisonment and whipping if convicted of rape.* PIC BY AMIRUDIN SAHIB

However, counsel G. Visvanathan Nair, who appeared for the accused, pleaded for minimum bail, saying his client was not a flight risk as a policeman.

"My client is suffering from myasthenia gravis, a chronic autoimmune neuromuscular disorder causing muscle weakness and fatigue due to impaired communication between nerves and muscles.

"Bail also should not be used to punish a person as he is deemed innocent until proven guilty by this court."

The court set RM20,000 bail for all charges and granted the prosecution's request, besides fixing March 12 for case mention.

Later, at the magistrates' court, Fazrul and his partner, Constable Muhammad Adib Aikal Sharul Nizam, claimed trial to extortion charges.

The duo allegedly extorted RM500 from the victim and her male friend, threatening to spread their intimate video near Jalan Ampang Hillview at the same date and time.

They were charged under Section 384 of the Penal Code that carries a maximum of 10 years' jail, a fine or whipping, upon conviction.

Magistrate Amalina Basirah Md Top set RM4,000 bail for each of the accused.

On Jan 11, Selangor police chief Datuk Hussein Omar Khan, in a statement, confirmed receiving two reports from a Malaysian male and a female foreigner.

He said the incident occurred on Jan 9 at 10pm when the complainant and her male friend were stopped in their vehicle in Bukit Ampang View here.

"They were apprehended by two male policemen in full uniform, who took them to a secluded location.

"During the incident, one of the men sexually assaulted the female complainant, while the male complainant was taken to a bank to settle payments demanded by the suspects for traffic offences."

Hussein said later on Jan 10, after receiving the reports, a team of officers and policemen from the Ampang Jaya police headquarters arrested both policemen. The men were then remanded for seven days. They were also suspended from duty.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAN IN LANDMARK STALKING CASE ORDERED PLACED IN PSYCH HOSPITAL | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 18 JAN 2024 | M/SURAT | : | 01 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Man in landmark stalking case ordered placed in psych hospital

**SHAH ALAM:** The Magistrates' Court here yesterday acquitted and discharged a former part-time event management consultant, who was the first individual to be charged under the new anti-stalking law, and directed the man to be placed in Hospital Bahagia Ulu Kinta in Perak where he will be held at the pleasure of the Sultan of Selangor.

Magistrate Sasha Diana Sabtu said the decision was made after examining the overall testimony of prosecution and defence witnesses, concluding that Mohamad Safiq Rosli, 38, had committed the act as stated in the charge.

"The court finds that due to unsound mind, the accused did not realise that his actions were contrary to the provisions under Section 84 of the Penal Code.



Mohamad Safiq is escorted by a policeman at the court. – Bernama photo

"As such, under the provisions of Section 347 of the Criminal Procedure Code, the accused is released and acquitted of the charge. Further, referring to Section 348 of the Criminal Procedure Code, the accused is ordered to be placed under secure custody at Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak," she said in her judgment.

During the victim impact statement, lawyer Jason Wee who was holding a watching brief for Acacia Mardiana Daud informed the court that his client had been harassed by the man since the age of 23, and the accused went to the extent of creating over 30 social media accounts to torment the victim.

Wee highlighted that over the course of eight years, his client experienced loss of friendships due to her reluctance to socialise. In addition, her income through social media was affected as she feared uploading content about any product.

"He (Mohamad Safiq) has used up money to travel across the world, spending months in the United Kingdom just to locate me. He has been smart enough to evade the authorities in the UK.

"For eight years, I have cried for help and felt hopeless. I have felt like I will get killed, because I know he is so obsessed with me and won't stop searching for me, regardless of what anyone says or even if I get married," Wee said when reading the impact statement on behalf of Acacia.

Earlier, Hospital Bahagia Ulu Kinta psychiatric consultant Dr Ian Lloyd Anthony told the court that following an examination of Mohamad Safiq, the accused was diagnosed with schizophrenia.

He said during the alleged offences, Mohamad Safiq was of unsound mind and unaware that his actions were offensive or against the law.

"His mental disorder, predominantly delusional, involved the 'delusion of love' or erotomania.

"For almost eight years, the delusion evolved, making his life entirely revolve around the victim. He obsessively gathered details about her personal life, work, likes and dislikes.

"He believed that they were in a romantic relationship but in reality, it was only a one-sided communication relationship," he said when testifying as a defence witness.

The Magistrates' Court here had on Dec 20 rejected Mohamad Safiq's guilty plea, which magistrate Sasha Diana explained was due to concerns about the accused's mental state raised by the prosecution. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | COP STANDS TRIAL FOR RAPING TEENS | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 18 JAN 2024 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Cop stands trial for raping teen

## Another policeman jointly charged with extorting victim and boyfriend

By **NURBAITI HAMDAN**
newsdesk@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** Two suspended policemen have claimed trial to criminal charges in a rape-and-extort case involving a minor.

L/Kpl Muhammad Fazrul Razzi Yunus, 31, who wore a face mask as he was led into the Sessions Court, faces four counts of sexual offences allegedly committed against the 17-year-old victim.

According to the first charge, he allegedly raped the girl inside a police patrol car by the roadside of Jalan Persiaran Saujana Ampang at about 10.30pm on Jan 9.

For the second until the fourth charges, the accused allegedly committed unnatural sex, carnal intercourse against the order of nature, and sexual assault against the same victim at the same place and time.

For charges under Section 376(1) and Section 377C of the Penal Code, and Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, the accused could be jailed for a maximum of 20 years and be liable for whipping.

Meanwhile, for the offence under Section 377CA of the Penal Code, the accused faces up to 30 years in jail and whipping if convicted.

Muhammad Fazrul, who is a father of two, pleaded not guilty to the charges after they were read out before Sessions Court judge Norshila Kamaruddin here yesterday.

Deputy public prosecutor Nor Azizah Mohamad offered bail at RM20,000 for each of the offences.

"We also asked the accused not to disturb the witness and to report himself at the nearest police station," said the prosecutor.

Lawyer G. Visvanathan Nair, who represented Muhammad Fazrul, asked for minimum bail on grounds that his client is not a flight risk.

"My client is suffering from myasthenia gravis, a chronic autoimmune neuromuscular disorder causing muscle weakness and fatigue due to impaired communication between nerves and muscles.

"Bail also should not be used to punish a person as he is deemed innocent until proven guilty by this court," he said.

The court fixed RM20,000 bail for all charges and fixed March 12 for mention.

At the Magistrates' Court, Muhammad Fazrul also stood to face another charge of extortion with his partner, Kons Muhammad Adib Aikal Sharul Nizam.

They were jointly accused of extorting RM500 from the victim and her boyfriend by threatening to spread their intimate video near Jalan Ampang Hillview at the same date and time.

The charge under Section 384 of the Penal Code carries a maximum of 10 years' jail, a fine or whipping upon conviction.

Magistrate Amalina Basirah Md Top fixed RM4,000 bail for each of the accused.

It is understood that the two men raised the bail.

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | COURT ORDERS ALLEFED WIFE BEATER TO ENTER DEFENCE | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 18 JAN 2024 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Court orders alleged wife beater to enter defence

By REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** A trader charged with severely assaulting his then pregnant wife over two years ago has been ordered to enter his defence.

The woman, now divorced from him, is paralysed after being in a coma for some time.

Yesterday, Sessions Court judge Fatimah Zahari ordered Rosmaini Abd Raof (*pic*) to enter his defence after finding that the prosecution had proven a prima facie case against the 41-year-old.



The accused was given three options to conduct his defence – testify under oath from the witness stand; give a statement from the dock; or remain silent, in which case the court must proceed to convict him.

Lawyer TC Lim informed the court that his client would testify under oath from the witness stand.

Rosmaini is charged with causing serious injuries to Jahidah Nordin @ Sylvester, 46, who was expecting their first child then, by stomping on her and hitting her on the head, face and hands.

He allegedly committed the offence at around 6am on May 4, 2021 in a flat at Kampung Aman in Larkin here.

The charge under Section 325/326A of the Penal Code carries a maximum 14-year jail term, upon conviction.

Fatimah set Jan 24 for the case to be mentioned.

Deputy public prosecutor Bari'ah Jalil appeared for the prosecution while Muhammad Hazeem Mohd Norizan held a watching brief on behalf of Jahidah's family.

Bernama previously reported that the victim had part of her skull removed due to bleeding and there were fractures to the jaw, backbone and rib cage.

Jahidah fell into a coma and later delivered her baby by caesarean on Nov 30, 2021, at Hospital Tuanku Ja'afar.

*Sinar Harian* reported that on March 14 last year, the Seremban Syariah Lower Court granted Jahidah's application for a fasakh, which is the dissolution of marriage on permitted grounds under the Islamic Family Law (Federal Territories) Act 1984.

Jahidah's sister, Fauziah Nordin, filed the application on Feb 1, 2023.

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | STALKER GETS OFF WITH INSANITY PLEA | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 18 JAN 2024 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Stalker gets off with insanity plea

## Man who followed woman for eight years will be held at psychiatric hospital

By **WANI MUTHIAH**
and **JUNAID IBRAHIM**
newsdesk@thestar.com.my

**SHAH ALAM:** A man who had stalked a woman over a span of eight years has been acquitted and discharged by a Magistrate's Court here.

However, Mohamad Safiq Rosli, 37, who had allegedly stalked photographer Acacia Mardiana Daud, 31, was ordered to be held at Hospital Bahagia Ulu Kinta in Perak at the pleasure of the Sultan of Selangor.

This means that Mohamad Safiq could be held indefinitely at the mental healthcare facility until an application is made to seek the Selangor Ruler's consent for his release.

Had he been punished under the newly crafted Section 507A (1) of the Penal Code, under which he was charged, Mohamad Safiq would have faced a jail term not exceeding three years or a fine or both.

In delivering her decision yesterday, magistrate Sasha Diana Sabtu said while the prosecution managed to prove that Mohamad Safiq had indeed committed a crime under Section 507A (1) of the Penal Code, the defence managed to successfully invoke Section 84 of the Penal Code to indicate that he was of unsound mind when doing so.

> "I underwent terrible trauma and feared for my health and safety."
> Acacia Mardiana

Section 84 of the Penal Code invokes the defence of insanity which states that "nothing is an offence" when committed by a person who is mentally ill and unaware that he or she is committing a crime.

"Therefore, he is acquitted and discharged. He is to be placed at a safe place and detained at the pleasure of the Sultan of Selangor under Section 348 of the Criminal Procedure Code," said Sasha Diana.

Mohamad Safiq also chose to remain silent when Sasha Diana asked him to enter his defence after ruling that the prosecution had succeeded in establishing a prima facie case against him.

He was accused of stalking Acacia Mardiana via her social media platform X handle @ShaFoShizzie through his handle @sopert99.

The charges levelled against him were based on police reports revolving around three love messages sent by the accused to the victim on June 15, 17 and 21 in 2023 that were tendered as evidence.

In the three messages, Mohamad Safiq declared his love for Acacia Mardiana.

Acacia Mardiana, who testified over Zoom, said that the stalking adversely affected her future.

"I underwent terrible trauma and feared for my health and safety. I dared not go out and it affected my work and daily activities and ruined my future. I lived in fear," she added.

The defence's only witness, forensic pathologist Dr Ian Lloyd Anthony, when cross-examined, said Mohamad Safiq was diagnosed as suffering from schizophrenia during his mental evaluation.

"This mental disorder is a serious disorder and is characterised by symptoms such as delusions and hallucinations and may be accompanied by bizarre or disorganised behaviours," he said.

Dr Ian Lloyd said the accused's mental state at the time of the evaluation was predominantly delusional in nature and he also had multiple delusions with the main one being delusion of love.

"The accused firmly believed that the victim was in love with him and he was in love with her. This illusion took place eight years ago and grew over time.

"He believed that they were in a romantic relationship when in actual fact it was a one-way relationship as she never reciprocated," he said.

He added that schizophrenia requires lifelong treatment but individuals can achieve remission with medication as well as appropriate therapy.

In Mohamad Safiq's case, he must be treated with medication and psychotherapy and the latter was only available at a hospital facility, said Dr Ian Lloyd.

Meanwhile, in her victim impact statement, Acacia Mardiana said she was harassed and terrorised by the same man from the time she was 23 years old.

"He has wasted eight years of his life to disturb my life. I am not the person I used to be," she said in the statement, which was read out by lawyer Jason Wee, who was holding a watching brief for her.

Acacia Mardiana added that she cried out for help for eight years, feeling hopeless and fearing for her life as the accused was obsessed with her and did not stop looking for her even after she moved to the United Kingdom.

"The only thing that can protect me is the law. I beg you to please make him stay away from me forever.

"If he becomes a free man at the end of the sentence, I know he will continue to find me and that will be the end of my life," she said.

Deputy public prosecutor Zilfinaz Abbas prosecuted while Fithril Hakim Ab Jalil appeared for Mohamad Safiq.

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'VITAL FOR PWD TO BE REGISTERED WITH SOCIAL WELFARE DEPT' | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 18 JAN 2024 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'Vital for PwD to be registered with Social Welfare Dept'

**Move would allow group to receive govt aid in organised and targeted manner, says advocate**

BY **MUHAMMAD AMMAR JALAL**
*newsdesk@thesundaily.com*

**PETALING JAYA:** A persons with disabilities (PwD) advocate has encouraged individuals in the group to register with the Social Welfare Department, as failure to do so could result in them losing out on numerous government initiatives.

Sakinah Bibi Nagoor, who is Petaling Jaya Zone 6 city councillor, welcomed recent initiatives announced by Transport Minister Anthony Loke granting PwD complimentary rides on all Prasarana Malaysia Berhad trains and buses, beginning next month.

"We commend the government's efforts to enhance accessibility for PwD. It will have a positive impact on our mobility within the public transport system.

"While the initiative for free rides on trains and buses is commendable, it should also be extended to lower fares on e-hailing services as many PwD face high charges when using them."

Sakinah said while there are currently 685,602 PwD registered in the country, the figure is small as many were unregistered, adding that registering with the department would facilitate data collection and ensure government assistance is provided to PwD in a more organised and targeted manner.

"Registration will help PwD obtain the help they require, including access to designated parking spaces and specialist facilities.

"Since 2020, the PWD registration process has been simplified and we can now have any medical practitioner sign our registration forms. This represents a positive shift from the previous policy, which restricted signatories to government doctors only."

She also said PwD now have the flexibility to obtain disability verification from either government or private doctors and medical practitioners registered with the National Specialist Register and Malaysia Medical Council.

The registration process for PwD has also been made convenient, allowing individuals to register at any of the department's offices or online through the PwD registration form that is accessible at www.oku.jkm.gov.my.



While lauding the Prasarana free ride concession, Sakinah said the initiative should be extended to also include lower e-hailing fares for PwD. – ***AMIRUL SYAFIQ MOHD DIN/THESUN***

She said the primary reason for the low number of registrations among PwD is the stigma they associate with being called a PwD.

"Many PwD hesitate to register due to the fear of being perceived as burdensome, particularly after officially being registered.

"The significance of their self-acceptance highlights the importance of embracing their identity without the weight of societal prejudices."

Sakinah emphasised the importance for PwD to disregard external perceptions and cultivate self-confidence, adding that initiatives such as the complimentary rides on Prasarana transportation services would contribute to an increase in PwD registrations.

"The initiative is poised to bring about positive changes, particularly among PwD residing in urban areas.

"However, its impact may be limited for those in rural areas. Therefore, I call on e-hailing services and taxis to be more accommodating and accessible for PwD in such areas."

While registration for visible and non-visible disabilities within the PwD category is not compulsory, Sakinah said registration opens doors to government assistance and benefits.

"Such support includes opportunities like scholarships or educational schemes aimed at facilitating tertiary education for PwD.

"We thank the government for actively stepping up its initiatives to enhance public awareness and understanding regarding matters related to PwD."